

ANALISIS PENGAPLIKASIAN AMALAN QALBU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki¹³

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

ustaz_min@yahoo.com.my

ABSTRAK

Manusia merupakan ciptaan Allah yang diiktiraf sebagai sebaik-baik kejadian. Selain itu, manusia juga merupakan makhluk yang terdiri daripada dua elemen iaitu fizikal dan roh. Elemen fizikal itu sebagai diri *haywaniyyah* (haiwan), manakala elemen roh sebagai diri *natiqah* (rasional). Simbiosis antara kedua-dua elemen inilah menjadikan manusia itu lengkap sebagai satu manusia. Kedua-duanya saling bergantung antara satu sama lain untuk memberi makna kepada kehidupan. Sekiranya salah satunya tiada atau kepentingan salah satunya terabai, maka manusia tidak lagi cukup sebagai seorang manusia. Dengan mengambil kira hal inilah, maka aspek pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah dan universiti perlu dibentuk agar ia dapat memenuhi elemen fizikal dan roh pelajar. Pengajaran dan pembelajaran yang banyak menekankan elemen fizikal dan mengabaikan elemen roh akan melahirkan pelajar yang mengukur sesuatu kejayaan itu dengan berapa banyak jumlah gred A dan tingginya gred purata yang diperoleh. Implikasinya sangat besar iaitu seseorang pelajar dianggap cemerlang apabila memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan walaupun akhlak mereka di tahap rendah. Berasaskan isu inilah, kertas kerja ini bertujuan mencadangkan penerapan amalan qalbu dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini supaya pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan itu bukan sahaja berkesan, malah diberkati Allah SWT. Bagi mencapai objektif ini, kertas kerja ini hanya menggunakan data sekunder yang dikumpul melalui kajian kepustakaan. Kesemua data yang dikumpul ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasilnya, kertas kerja ini dapat menerapkan amalan qalbu seperti *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli* dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: Penerapan, Amalan, Qalbu, Pengajaran, Pembelajaran

¹³ Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki ialah Calon Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Islam (Syariah), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.

ANALYSIS OF QALBU PRACTICE IN TEACHING AND LEARNING

ABSTRACT

Man is the creation of Allah which is recognized as the best of events. In addition, man is also a creature of two elements namely physical and spirit. The physical element is as *a haywaniyyah* (animal), while the element of the spirit as self *natiqah* (rational). The symbiosis between these two elements makes humans complete as one human. Both are interdependent with each other to give meaning to life. If one of them is missing or the interests of one are neglected, then man is no longer enough as a human. Considering this, the aspects of teaching and learning at the school and university level need to be shaped so that it can meet the physical and spiritual elements of the student. Teaching and learning that emphasize the physical element and neglect the element of the spirit will create a student who measures success with how much A and grade he earned. The implication is so huge that a student is considered excellent when they get excellent results in the exam despite their low morale. Based on these issues, this paper aims to suggest the application of qalbu practice in teaching and learning. This is to ensure that the teachings and learnings are not only effective, but also being blessed by Allah SWT. To achieve this objective, this paper only uses secondary data collected through library research. All the data collected was analyzed using content analysis method. As a result, this paper discusses *qalbu* practices such as *takhalli*, *tahalli* and *tajalli* in the teaching and learning process.

Keywords: *Application, practice, qalbu, teaching, learning*

PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara asas dalam pendidikan. Kedua-duanya merupakan elemen penting dalam penyampaian ilmu. Ilmu tanpa pengajaran dan pembelajaran yang sepadu antara aspek fizikal dengan spiritual tidak mungkin dapat memberi kesan yang optimum terhadap para pelajar. Bukan setakat itu, malah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang tepat juga akan menggalakkan pemikiran kritis dan sintesis kreatif terutamanya yang berpaksikan pandangan alam Islam (Noor Hisham Md Nawawi, 2011:1). Namun, sistem pendidikan sekarang dilihat kurang memberi penekanan terhadap penerapan amalan-amalan *qalbu* dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini menyebabkan ilmu hanya sampai ke akal, namun tidak meresap masuk ke dalam hati pelajar. Sebagai akibatnya, pengetahuan yang diperolehi tidaklah sempurna (Muhammad Syukri Salleh, 2013:xvii).

Oleh sebab itu, penerapan amalan *qalb* dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan. Pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan amalan *qalb* ini merupakan satu pendekatan yang sangat wajar diguna pakai dalam setiap proses Pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Hal ini paling tidak kerana dua sebab utama. Pertama, pengamalan amalan *qalb* adalah salah satu daripada pembuktian ketaatan dan perhambaan kepada Allah SWT (Syeikh Abu Malik Al-Sayid Salim, 2009:6); Kedua, pengamalan amalan *qalb* akan memberikan manfaat dan kesan positif terhadap pembangunan spiritual insan (Aerisuli Awang, 2011:24).

Persoalannya, apakah konsep pengajaran dan pembelajaran dan konsep amalan *qalb*? Bagaimanakah amalan *qalb* dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran sehingga menghasilkan konsep pengajaran dan pembelajaran berteraskan amalan *qalb*? Bagi menjawab kedua-dua persoalan ini, kertas kerja ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti konsep pengajaran dan pembelajaran dan konsep amalan *qalb*; dan kedua, menganalisis dan membina konsep pengajaran dan pembelajaran berteraskan amalan *qalb*. Kajian ini hanya melibatkan data sekunder. Data sekunder ini dikumpul menggunakan kaedah dokumen. Ia kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif.

Secara umumnya, perbincangan dalam kertas kerja ini berfokus kepada tiga bahagian utama. Pertama, membincangkan konsep pengajaran dan pembelajaran; kedua, membincangkan konsep amalan *qalb*; dan ketiga, membina konsep pengajaran dan pembelajaran berteraskan amalan *qalb*.

KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Perbincangan tentang konsep ini terbahagi kepada tiga perkara utama iaitu maksud, falsafah dan elemen pengajaran dan pembelajaran.

Maksud Pengajaran Dan Pembelajaran

Terdapat ramai penulis yang membincangkan maksud pengajaran dan pembelajaran. Misalnya, Noor Hisham Md Nawi (2011:4) yang mendefinisikan pengajaran dan pembelajaran sebagai sesuatu aktiviti atau tugas yang dilakukan secara bersama oleh guru dan pelajar. Secara lebih terperinci lagi, Norasmah Othman dan Shuki Osman (2009:76) menyatakan pengajaran dan pembelajaran sebagai satu bentuk hubungan interaksi dua hala antara guru dengan pelajar. Hubungan ini melibatkan komunikasi dan interaksi yang dinamik bagi mencapai objektif tertentu yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, maksud yang dikemukakan oleh Norasmah Othman dan Shuki Osman (2009:76) ini bukan setakat tertumpu kepada kaedah menyampaikan

pelajaran, malah juga kaedah menerima pelajaran bagi melahirkan perubahan tingkah laku yang berlaku melalui pengalaman dan latihan yang dilaksanakan.

Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran

Falsafah pengajaran dan pembelajaran ini telah dibincangkan oleh banyak pihak. Antaranya Ahmad Mohd Salleh (2011); Ab. Aziz Yusof (2013); Mohd. Kamal Hassan (1987); dan Azidah Abu Ziden (2015). Menurut Ahmad Mohd Salleh (2011:34), falsafah pengajaran dan pembelajaran adalah sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Menurutnya lagi, falsafah pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungkait dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakupan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara" (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1987:8).

Selain Ahmad Mohd Salleh (2011), Ab. Aziz Yusof (2013:24) juga menjelaskan falsafah pengajaran dan pembelajaran sebagai usaha yang berterusan dalam menyampaikan ilmu, memupuk kemahiran serta penghayatan Islam berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah bermula daripada manusia berada dalam kandungan ibu hinggalah ke liang lahad. Lebih jelas lagi, Mohd. Kamal Hassan (1987) menyatakan falsafah pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan Islam adalah menitikberatkan keseimbangan yang jitu antara keperluan rohaniah, akal dan jasmaniah, serta pembangunan duniawi dengan ukhrawi. Seterusnya, Mohd. Kamal Hassan (1987) juga menyatakan pembangunan akhlak individu yang selari dengan pandangan hidup Islam adalah teras pembangunan manusia keseluruhannya.

Pandangan Ab. Aziz Yusof (2013) dan Mohd. Kamal Hassan (1987) diperkuatkan dengan falsafah pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan oleh Azidah Abu Ziden (2015) iaitu pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pendekatan konstruktivis dan sosial konstruktivis. Dalam hal ini, persekitaran haruslah menyokong dan merangsang pelajar ke arah pembelajaran aktif dan melakukan eksplorasi berkesan bagi

menimba pengetahuan baru. Menurut Azidah Abu Ziden (2015) lagi, pelajar pada abad ke-21 perlu diberi peluang untuk meneroka di luar persekitaran kelas fizikal dan dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan guru pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Oleh yang demikian, berdasarkan beberapa pandangan tokoh pendidikan mengenai falsafah pengajaran dan pembelajaran, dapatlah difahami bahawa falsafah pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan Islam itu adalah menyepadukan antara aspek rohani, akal dan jasmani; dan antara aspek duniawi dengan ukhrawi.

Elemen Pengajaran dan Pembelajaran

Setelah membincangkan maksud dan falsafah pengajaran dan pembelajaran, bahagian ini pula membincangkan elemen-elemen yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Nabilah Abu Bakar (2011:6), elemen-elemen dalam pengajaran dan pembelajaran merangkumi aspek-aspek gaya pengajaran, kaedah pengajaran dan unsur-unsur pengajaran. Gaya pengajaran bermaksud cara atau teknik guru berinteraksi dengan pelajarinya. pengajaran dan pembelajaran Kaedah pengajaran pula merangkumi teknik-teknik yang digunakan dalam seperti syarahan, pengajaran berkumpulan, pengajaran mikro atau bercerita. Unsur-unsur yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran pula bermaksud perkara-perkara yang diguna pakai oleh para guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran seperti kecindan (jenaka), penerapan nilai murni dan sokongan moral. Berbeza dengan Nabilah Abu Bakar (2011), Muhamad Khairi (2008) menyatakan terdapat lima elemen utama yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu objektif pengajaran, strategi pengajaran yang sesuai, bahan bantu mengajar, maklum balas pelajar dan penilaian.

Dalam kertas kerja ini, elemen yang dinyatakan oleh Muhammad Khairi (2008) digunapakai kerana ia merangkumi keseluruhan aspek yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian mengenai kelima-lima elemen adalah seperti berikut:

1. Objektif Pengajaran

Menurut Muhamad Khairi (2008:1), objektif pengajaran terbahagi kepada dua bahagian. Pertamanya, objektif implisit yang melibatkan perubahan tingkah laku yang ketara dalam diri pelajar seperti memahami, mengetahui dan menghargai sesuatu perkara yang telah diajar. Keduanya, objektif eksplisit pula melibatkan perubahan tingkah laku yang boleh dilihat seperti menyenaraikan, menjelaskan, memberikan contoh serta menunjukkan cara yang betul terhadap perkara yang telah diajarkan. Dalam al-Qur'an, Allah SWT telah menjelaskan

objektif pengajaran dan pembelajaran yang sepatutnya dilalui oleh manusia kepada keadaan yang lebih baik. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan kami tiadalah menurunkan kepadamu al-Kitab (al-Qur'an) ini, melainkan agar kamu dapat menjelaskan kepada mereka apa yang mereka perselisihkan itu, dan untuk menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman (al-Nahl, 16:64).

Berdasarkan ayat ini, jelaslah bahawa al-Qur'an merupakan sumber dalam proses ini yang sepatutnya menjadi sumber rujukan sepanjang zaman (Ahmad Mohd Salleh, 2003:11). Dalam konteks ini, objektif pengajaran dan pembelajaran adalah untuk membina masyarakat yang bertakwa, adil berasaskan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan dan masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab dan mengikut garis panduan al-Qur'an dan al-Sunnah..

2. Strategi Pengajaran Yang Sesuai

Strategi pengajaran yang sesuai bermaksud kemahiran merancang dan mengurus kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai hasil yang optimum. Noor Hisham Md Nawi (2011:5) menjelaskan strategi pengajaran sebagai penghubung antara kaedah dengan teknik yang membawa kepada berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Strategi ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan cara, bermula dengan cara yang paling mudah kepada yang paling kompleks. Walaupun aktiviti pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu aktiviti yang bebas, namun ia masih berhajatkan strategi yang menjadikannya satu proses pengajaran dan pembelajaran yang sempurna. Terdapat berbagai contoh strategi pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan oleh Noor Hisham Md Nawi (2011:5) antaranya berpusatkan murid dan berpusatkan guru.

3. Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar tidak terhad kepada buku-buku teks, alat tulis dan gambar-gambar sahaja, namun juga merangkumi segala benda yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat dilihat, didengar, dibaca, dikisahkan, dirasai, digunakan dan sebagainya. Ia juga merangkumi apa-apa sahaja yang dapat dialami oleh murid (Kamaruddin Hussin,1986). Atan Long (1986) pula membahagikan bahan bantu mengajar kepada tiga kelompok iaitu alat pendengaran, alat pandangan dan alat pandang dengar. Zaidatol Akmaliah dan Habibah Elias (1990) pula menjelaskan ciri-ciri bahan bantu mengajar yang baik, antaranya bahan tersebut dapat menjelaskan idea yang kabur; menjelaskan bahagian-bahagian yang sukar difahami; bahan tersebut mestilah jelas dan besar serta tahan lama.

4. Maklum Balas Pelajar

Elemen yang keempat ialah maklum balas pelajar. Terdapat beberapa pengkaji yang mengkaji berkenaan maklum balas pelajar terhadap sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Misalnya, Hassan Langgulung (1981) yang mengemukakan empat maklum balas positif yang perlu wujud dalam sesebuah pengajaran dan pembelajaran. Pertama, ianya dapat menyiapkan pelapis dari kalangan generasi muda untuk memegang peranan-peranan tertentu dalam masyarakat apabila tiba masanya. Kedua, berlakunya pemindahan ilmu pengetahuan sehingga dapat memberi manfaat kepada pemberi dan penerima ilmu. Ketiga, memindahkan dan merealisasikan nilai dan budaya yang baik sebagai mekanisme utama. Dalam perkataan lain, pelajar tersebut hendaklah berilmu, beriman, berakhlak mulia bagi membolehkannya berdaya saing, daya juang, daya maju dan daya tahan apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran. Keempat, pelajar tersebut yakin bahawa amalan baik dan amalan buruk yang dilakukannya di dunia ini akan mendapat balasan di akhirat kelak.

Pandangan yang dikemukakan oleh Hassan Langgulung (1981) selari dengan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1977) yang menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran adalah usaha-usaha pendidik bagi membimbing pelajar supaya mengenali dan mengakui keesaan Allah SWT. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1977) lagi, pendidik bukan sahaja melengkapkan pemikiran pelajar dengan fakta, tetapi menyediakan mereka dengan pelbagai nilai murni yang membolehkan mereka memenuhi tuntutan ilmu fardu ain dan fardu kifayah.

Pendapat ini diperkukuhkan dengan kenyataan Sidek Baba (2007) yang menyatakan pengajaran dan pembelajaran sebagai medan terpenting bagi melahirkan generasi penerus masa depan negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku pada ketika inilah yang akan dijadikan sebagai penentu untuk melahirkan generasi yang berjaya atau sebaliknya.

Dalam al-Qur'an, Allah SWT telah menjelaskan berkenaan maklum balas Nabi Adam a.s (pelajar) dan Allah SWT (pengajar) yang bermaksud:

Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan Segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan Yang benar".Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa Yang Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana" (al-Baqarah, 2:31-32).

Namun begitu, jika tingkah laku yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran bertentangan dengan perkara yang dibawa oleh al-Qur'an dan Hadith, maka proses pengajaran dan pembelajaran akan menjurus ke arah yang bertentangan, manakala pelajar akan memberi maklum balas yang negatif. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan antara mereka ada Yang mendengarkanmu (membaca Al-Quran), pada hal Kami telah jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, Yang menghalang mereka daripada memahaminya, dan Kami jadikan pada telinga mereka penyumbat (yang menjadikan mereka pekak); dan kalaupun mereka melihat tiap-tiap keterangan (dan mukjizat Yang membuktikan kebenaran Rasul), mereka tidak juga akan beriman kepada keterangan itu; sehingga apabila mereka datang kepadaMu, sambil membantahmu, berkatalah orang-orang Yang kafir itu: "Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu. (al-An'am, 6:25).

5. Penilaian

Elemen yang terakhir adalah *hirasah* (penilaian). Penilaian yang dijalankan adalah bertujuan untuk memastikan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran elari dengan perancangan yang telah dilakukan oleh pengajar serta melihat keberkesanan pengajaran melalui pencapaian pelajar (Ab. Aziz Yusof, 2013:177). Selanjutnya, Ab. Aziz Yusof (2013:178) menggariskan lima unsur penilaian yang perlu dijalankan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran . Pertama, mengkaji semula keperluan sesuatu tugas agar pelajar berkemampuan melaksanakan tugas yang diberikan; kedua, menyusun matlamat dan piawaian pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan; ketiga, melakukan penilaian berdasarkan pencapaian pelajar, misalnya ujian berkala berbanding jangkaan yang dibuat sepanjang tempoh penilaian; keempat, berbincang dengan pelajar sekiranya terdapat perbezaan antara pencapaian sebenar dengan jangkaan yang dibuat oleh pengajar. Jika perlu, hendaklah disokong dengan hujah dan fakta dan yang terakhir mengenalpasti kelemahan yang menghalang pelajar daripada melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin.

Selain itu, guru yang berperanan sebagai penilai juga turut meliputi penelitian, mengawasi perjalanan dan pelaksanaan perancangan. Pelaksanaan ini dibuat berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang ketidakpuashatian. Allah SWT menyatakan hal ini dalam firman-Nya yang bermaksud:

Sesiapa yang taat kepada Allah dan rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta menjaga dirinya tidak terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang yang beroleh kemenangan (al-Nur, 24:52).

Justeru, bagi menjamin proses pengajaran dan pembelajaran yang menepati kehendak Islam, penilaian yang dijalankan dalam proses tersebut haruslah dilaksanakan berdasarkan prinsip keselarasan antara teori dan amali, menentukan matlamat dan hala tuju pengajaran dan pembelajaran ebelum menerima dan memahami sesuatu maklumat serta prihatin dan menjaga kemampuan murid (Janzarli, 1991).

Berdasarkan perbincangan tentang definisi, falsasah dan elemen-elemen pengajaran dan pembelajaran sebelum ini, dapat dirumuskan ianya berteraskan Islam merupakan satu proses pemindahan ilmu daripada guru kepada pelajar yang berfalsafahkan mencari keredaan Allah SWT berdasarkan elemen-elemen yang terkandung dalam pengajaran dan pembelajaran . Elemen-elemen tersebut adalah objektif pengajaran, strategi pengajaran yang sesuai, bahan bantu mengajar, maklum balas pelajar serta penilaian.

KONSEP AMALAN *QALB*

Amalan *qalb* merupakan antara perkara yang berhubung rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Janzaliri (1991) menyatakan, proses pengajaran dan pembelajaran akan sampai ke tahap kefahaman yang mantap dan jitu sebaik sahaja ilmu yang diperoleh dilaksanakan dalam bentuk amalan dan perbuatan. Oleh yang demikian, perbincangan dalam bahagian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu maksud amalan *qalb*, falsafah amalan *qalb*, dan elemen-elemen yang terkandung dalam amalan *qalb*.

(a) Maksud Amalan *Qalb*

Terdapat beberapa definisi amalan *qalb* yang dijelaskan mengikut perspektif yang berbeza. Saifudin Zauhri (2011:1) misalnya, mendefinisikan amalan *qalb* sebagai amalan-amalan membersihkan hati. Amalan-amalan yang dizahirkan oleh anggota badan juga akan dipengaruhi oleh *qalb* seseorang. Apabila qalburnya dipenuhi dengan cinta kepada Allah SWT, maka anggota badannya akan melaksanakan amalan-amalan untuk mentaati Allah SWT dan Rasul-Nya. Amalan-amalan *qalb* juga akan terbina daripada hati yang bersih sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada tubuh kalian dan tidak pula kepada rupa-rupa kalian, tetapi Dia melihat kepada

hati kalian ” seraya menunjuk dengan jari-jarinya ke dadanya yang mulia. (Riwayat Muslim, Hadith no. 94).

Seterusnya, Abdul Karim Ibnu Hawazin (2001:441) mendefinisikan amalan *qalb* sebagai amalan-amalan yang memberi perhatian ke arah mendidik jiwa, mendidik bidang lahiriah manusia, menjaga batas-batas yang ditetapkan Allah SWT, dan meninggalkan hawa nafsu. Amalan *qalb* juga membuatkan pelakunya memberi perhatian kepada pembersihan hati dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Al-Ghazaliy (1977:1) pula mendefinisikan amalan *qalb* sebagai amalan untuk membersihkan hati sebagai raja bagi seluruh anggota tubuh manusia dan semua anggota badan mempunyai naluri untuk selalu tunduk kepada hati. Kepatuhan anggota-anggota dan pancaindera kepada hati menyerupai kepatuhan dan ketaatan sepenuhnya para malaikat kepada Allah SWT. Hati bertindak sebagai raja dalam hal ini juga mempunyai bala tentera yang berperanan menggerakkan kehidupan manusia. Tentera-tentera hati ini terbahagi kepada dua aspek iaitu lahiriah dan batin. Aspek lahiriah ialah semua anggota zahir manusia, manakala aspek batin merangkumi pancaindera serta syahwat dan kemahuan yang merupakan penggerak utama serta deria lain yang dapat memberi persepsi seperti pendengaran, penglihatan, sentuhan dan sebagainya.

Berdasarkan perbincangan definisi amalan *qalb* di atas, amalan *qalb* yang dimaksudkan dalam makalah ini ialah amalan-amalan lahiriah dan batiniyah yang dilakukan untuk membersihkan hati dan seterusnya dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

(b) Falsafah Amalan-Amalan *Qalb*

Terdapat beberapa penulis yang membincangkan falsafah amalan *qalb*, antaranya Sidek Baba (2006); Ab. Aziz Yusuf (2013); dan Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri (2007). Sidek Baba (2006: 144) menyatakan falsafah amalan *qalb* yang menggabungkan aspek fikir dan zikir akan menyebabkan pembangunan pendidikan yang bersifat rabbani. Bagi mereka yang sentiasa melazimi amalan *qalb*, akan melahirkan manusia yang sentiasa mengharapkan kehidupan yang stabil dan harmoni. Perkara ini termaktub dalam kisah Lukman al-Hakim yang mewasiatkan kepada anaknya melalui firman Allah SWT dalam surah al-Luqman (31:13-19) yang bertunjangkan beberapa pesanan penting antaranya tidak mensyirikkan Allah; kedua, sentiasa bersyukur kepada-Nya; ketiga, mendirikan solat; keempat, menghormati ibu bapa; kelima, sabar dalam ujian hidup yang merangkumi maksud fikir dan zikir kepada Allah SWT.

Turut menyatakan falsafah yang sama dengan Sidek Baba (2006) ialah Ab. Aziz Yusuf (2013:244). Menurut beliau, falsafah amalan *qalb* dalam

kehidupan seharian bertujuan membentuk pelajar yang mempunyai sahsiah diri yang baik. Tegas Ab. Aziz Yusuf (2013:244) lagi, amalan *qalb* juga bukan sahaja melahirkan manusia yang berakhlak mulia yang sentiasa bersedia untuk patuh kepada setiap arahan dan tegahan Allah SWT, malahan juga akan membimbing seseorang insan mencapai keperluan rohani. Keperluan rohani inilah yang akan menjadi benteng kepada sifat-sifat mazmumah yang akan merosakkan keimanan seseorang.

Pandangan Sidek Baba (2006) dan Ab. Aziz Yusuf (2013) ini diperkukuhkan lagi oleh Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007:260) yang menyatakan falsafah amalan *qalb* adalah untuk memelihara jiwa manusia daripada bertuhankan hawa nafsu yang sentiasa cuba mendorong manusia supaya mengingkari Allah SWT. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud:

Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan yang dipatuhinya dan dia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuinya (bahawa dia tetap kufur ingkar) dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayat petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang-orang yang ingkar) tidak ingat dan insaf? (al-Jathiyah, 45:23)

Berdasarkan pelbagai falsafah amalan *qalb* yang dinyatakan sebelum ini, dapatlah dirumuskan bahawa falsafah amalan *qalb* adalah untuk melahirkan manusia yang sentiasa berakhlak mulia, menyucikan hati daripada sifat-sifat mazmumah. Kesan daripada amalan-amalan *qalb* tersebut akan menjadikan manusia menjalani kehidupan yang bahagia serta mencapai keperluan rohani sebagai hamba Allah SWT.

(c) Elemen-Element Amalan Qalb

Untuk mengaplikasikan amalan qalbu dalam kehidupan seharian, haruslah melengkapkan elemen-elemen yang terdapat dalam amalan *qalb*. Elemen amalan *qalb* ini adalah daripada kaedah *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa). Mohd. Asri Zainul Abidin (2010:18) menegaskan usaha membersihkan diri adalah dengan cara mempelajari ilmu yang menumpukan kepada *tazkiyah al-nafs* yang juga sinonim dengan ilmu tasawuf. Mohd. Asri Zainul Abidin (2010) juga juga lebih cenderung agar proses penyucian jiwa ini dipanggil sebagai *tazkiyah al-nafs* kerana ia sesuai dengan istilah yang digunakan dalam al-Qur'an.

Pendapat ini diperkukuhkan dengan hujah yang dikemukakan oleh Sa'id Hawwa (2004) yang menerangkan *tazkiyah al-nafs* ini merupakan misi para Nabi dan Rasul yang telah diutuskan oleh Allah SWT. Seterusnya amalan tersebut diwarisi oleh tabiin dan ulama dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, sepatutnya *tazkiyah al-nafs* ini diterjemahkan sebagai perkara besar yang penting untuk diaplikasikan dalam kehidupan manusia.

Al-Ghazaliy (1977) dan Aboebakar Atjeh (1980:177-204) telah memperkenalkan kaedah *tazkiyah al nafs* yang terdiri daripada tiga proses iaitu *takhalli*, *tahalli*. Menurut Fadzila Azni Ahmad (2013), nafsu didisiplinkan melalui penyucian jiwa dengan menggunakan ketiga-tiga kaedah ini. Oleh yang demikian, proses *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli* yang merupakan elemen amalan *qalb* dijelaskan seperti berikut:

1. *Takhalli*

Takhalli bermaksud mengosongkan atau membuang sifat-sifat terkeji yang dilarang oleh Allah SWT. Sifat-sifat keji yang dimaksudkan adalah riak, pamarah, dendam, mengumpat dan sebagainya. Oleh itu, pentingnya pelaku dalam pengajaran dan pembelajaran bermujahadah melawan nafsu untuk melenyapkan sifat terkeji dalam diri manusia (al-Ghazaliy, 1977).

Menurut Ahmad Rifaie (2013), *takhalli* bererti mengosongkan atau membersihkan diri daripada kotoran penyakit hati. Ia dapat dicapai dengan cara menjauhkan diri dari segala bentuk kemaksiatan dan sentiasa berusaha untuk melepaskan diri daripada nafsu yang jahat. Ahmad Rifaie (2013) juga menjelaskan maksiat terbahagi kepada dua bahagian iaitu maksiat zahir dan batin. Maksiat zahir adalah segala bentuk maksiat tercela yang dilakukan oleh pancaindera manusia yang dapat dilihat dan diamati. Maksiat batin pula merupakan segala jenis sifat tercela yang dilakukan oleh hati sehingga tidak mudah menerima pancaran *Nur Ilahi* seterusnya menjadi *hijab* (penghalang) dirinya dengan Allah SWT. Maksiat batin yang dimaksudkan seperti yang dinyatakan oleh Ismail Hassan (2014: 14-15) adalah seperti *hasad* (iri hatil dengki), *hiqd* (benci membenci), *su' al-zan* (buruk sangka), *takabbur* (sombong), *ujub* (bangga diri), *riya* (suka mempamer kehebatan), *sum'ah* (mencari kemahsyuran), *bakhil* (kedekut), *hubb al-mal* (materialistik), *tafakhur* (bersaing dalam kebanggan diri), *ghadab* (pamarah), *namimah* (menyebarkan fitnah), *kazb* (berbohong), *khianat* (tidak jujur/ tidak amanah) dan *ghibbah* (membicarakan keburukan orang lain).

Untuk mencapai proses penyucian jiwa pada tahap ini, Ahmad Rifaie (2013) menghuraikan beberapa tindakan yang perlu dilakukan oleh seseorang manusia seperti menghayati segala bentuk ibadah, sehingga pelaksanaannya tidak sekadar apa yang terlihat secara lahiriah semata-mata; keduanya, berjuang

melatih jiwa dari kekangan hawa nafsu; ketiga, mencari masa yang sesuai untuk mengubah sifat buruk dengan sifat yang terpuji; dan yang terakhir bermuhasabah diri akan kesilapan yang pernah dilakukan dengan memohon pertolongan daripada Allah SWT agar dijauhkan daripada godaan syaitan.

Seterusnya, Mustafa Zuhri (1998) menyatakan terdapat tiga amalan dalam tahap *takhalli* untuk membersihkan diri daripada *hijab* (halangan) yang membatasi manusia dengan Allah SWT. Pertama, menyucikan diri daripada najis dan hadas; kedua, membersihkan diri daripada dosa lahiriah seperti mulut yang suka menipu, mata yang suka melihat perkara yang haram, telinga yang suka mendengar perkara yang tidak benar, kaki yang selalu berjalan untuk melakukan maksiat, dan perut yang diisi dengan makanan dan minuman yang haram. Ketiga, menyucikan daripada dosa batin. Kaedah *takhalli* ini telah disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu dan Sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya. (al-Syams, 91: 9-10)

Oleh yang demikian, berdasarkan pernyataan mengenai jenis-jenis maksiat yang perlu dibersihkan dalam diri manusia, didapati maksiat batin merupakan maksiat yang lebih bahaya daripada maksiat zahir kerana ia tidak dapat dilihat dan menjadi penggerak kepada wujudnya maksiat lahiriah.

2. Tahalli

Keduanya *tahalli* iaitu mengisi diri dengan sifat-sifat terpuji. Dalam proses P&P, al-Ghazaliy (1977) menyatakan sifat-sifat terpuji yang dapat diterapkan adalah seperti jujur, amanah, pemurah, bersangka baik, syukur, sabar, rajin, berlapang dada, berkasih sayang sesama manusia, dan selalu mengingati kematian. Oleh itu, dalam pengajaran dan pembelajaran guru perlu konsisten dan istiqamah dalam proses mengisi diri dengan sifat-sifat yang terpuji kerana ia memerlukan masa yang panjang untuk melazimkan dengan amalan tersebut. Senada dengan al-Ghazaliy (1977) ialah Ahmad Rifaie (2013) yang menyatakan bahawa *tahalli* merupakan kelaziman yang dilakukan oleh seorang sufi setelah melalui proses pembersihan hati yang berhubungkait dengan nafsu duniawi. Oleh yang demikian, terdapat beberapa cara untuk menghiasi diri kepada Allah SWT antaranya *zuhud*, *qana'ah*, sabar, tawakal, bermujahadah, reda, dan bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Dasar kepada kaedah *tahalli* telah dijelaskan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. dia

memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran. (al-Nahl, 16:90)

Hujah Ahmad Rifaie (2013) diperkuatkan oleh Ismail Hasan (2014:7) yang menyatakan beberapa sifat yang menyinari hati dengan sifat-sifat terpuji seperti berikut antaranya taubat (menyesali diri kerana melakukan perbuatan tercela); takwa (perasaan takut kepada Allah); ikhlas (niat yang suci); syukur (rasa berterima kasih atas segala hikmah yang dikurniakan Allah); zuhud (kehidupan besederhana), sabar (bertahan dari segala kesukaran dan musibah); reda (menerima segala ketentuan dan takdir Allah ke atas hamba-Nya; tawakal (berserah diri kepada Allah); *mahabbah* (perasaan cinta hanya kepada Allah); dan *zikrul maut* (selalu mengingatkan akan kematian).

Manusia yang mengosongkan hatinya setelah dibersihkan dari sifat-sifat tercela juga perlu ikhlas dan mengisinya dengan sifat-sifat terpuji, segala perbuatannya haruslah dengan niat yang ikhlas. Seluruh kehidupan dan gerak gerinya diikhhlaskan semata-mata untuk mencari keredaan Allah SWT.

3. Tajalli

Tahap yang ketiga dalam *tazkiyah al-nafs* adalah *tajalli*. *Tajalli* bermaksud perasaan atau dorongan untuk sentiasa mengamalkan sifat-sifat terpuji tanpa ada halangan lagi kerana ia telah sehati dengan hati. Al-Ghazaliy (1977) mengatakan apabila sesuatu perbuatan yang baik telah menjadi kelaziman seseorang manusia, maka amalan terpuji tersebut akan dapat dilaksanakan dengan ringan dan mudah. *Tajalli* ini telah dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. perumpamaan cahaya Allah, adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus, yang di dalamnya ada Pelita besar. Pelita itu di dalam kaca (dan) kaca itu seakan-akan bintang (yang bercahaya) seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang berkahnya, (yaitu) pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah timur (sesuatu) dan tidak pula di sebelah barat(nya), yang minyaknya (saja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah membimbing kepada cahaya-Nya siapa yang dia kehendaki, dan Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia, dan Allah Maha mengetahui segala sesuatu (al-Nur, 24:35).

Mustafa Zuhri (1998) membahagikan *tajalli* kepada empat bahagian iaitu pertama, *tajalli af'al*¹⁴; kedua; *tajalli asma*¹⁵; ketiga, *tajalli sifat*¹⁶; dan keempat *tajalli zat*¹⁷. Pada tahap *tajalli* inilah, manusia mencintai dan sentiasa merindui untuk mengamalkan sifat-sifat terpuji.

Seterusnya, Ismail Hasan (2014:20) menyatakan setelah seseorang manusia membersihkan dirinya pada tahap *takhalli*, dan pemantapan diri dengan memasukkan sifat terpuji dalam diri pada tahap *tahalli*, maka tahap kesempurnaan mental kepada dua tahap sebelumnya dilaksanakan pada tahap *tajalli*. Pada tahap ini, Ismail Hasan (2014:20) menyatakan untuk mencapai kesempurnaan kesucian jiwa tersebut hanyalah dengan jalan yang satu iaitu cinta kepada Allah dan memperdalamkan cinta tersebut. Dengan kesucian jiwa ini, barulah akan terbuka jalan untuk mencapai Allah SWT. Tanpa jalan untuk mencapai kecintaan kepada Allah, kemungkinan perbuatan yang dilakukan tidak akan dianggap sebagai perbuatan yang baik (Usman Said, 1981:11). Ianya bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Allah adalah nur (cahaya) langit dan bumi (al-Nur, 24:35).

Dalam usaha mendekati diri kepada Allah melalui tahap *tajalli*, Ismail Hasan (2014:21) menyatakan terdapat beberapa amalan yang boleh dilakukan oleh seseorang manusia. Antaranya, melazimi diri untuk bertaubat; istiqamah dalam melakukan ketaatan kepada Allah; *tahdzib* yang bermaksud latihan seperti berpuasa dan mengurangkan tidur untuk melakukan ibadah contohnya *qiyamullail*; *taqarub* iaitu mendekati diri kepada Allah seperti berzikir secara terus menerus; bermunajat dengan penuh rasa kehambaan kepada Allah; *muraqabah* yakni memandang dengan hati kepada Allah; dan sentiasa bermuhasabah dengan setiap amalan yang telah dilakukan.

Antara kelebihan yang dikurniakan kepada manusia yang hatinya telah bersih pada tahap *tajalli* ini adalah *kasyaf* (keterbukaan tabir dari mata batin manusia). Pengetahuan *kasyaf* ini akan memberi maklumat bahawa kekuasaan Allah SWT yang sangat luas (Ismail Hasan, 2014:19). Oleh yang demikian,

¹⁴*Tajalli af'al*, bermaksud hilang atau lenyapnya perasaan dari seorang hamba dan yang ada perasaan kepada Allah SWT semata-mata. Gerak dan diam serta *isbat* adalah bagi Allah SWT semata-mata (Mustafa Zuhri, 1998). Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *Padahal Allah-lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuat itu.* (al-Saffat, 37: 96)

¹⁵*Tajalli asma* adalah *fananya* seorang hamba daripada dirinya dan membebaskan daripada genggamannya sifat-sifat kebaruan dan melepaskan ikatannya daripada dirinya atau tubuh kasarnya, ketika itu dia *fana'* ke dalam *baqa'*nya Allah seterusnya sucinya ia dari sifat-sifat pembaharuan. Lebih jelasnya, *tajalli asma* ini dikemukakan oleh Syaikh Daud Abdullah al-Fathani, bahawa *tajalli asma* adalah pembukaan bagi manusia setengah dari *asma Allah* (Mustafa Zuhri, 1998).

¹⁶*Tajalli sifat* adalah pembukaan salah satu sifat-Nya pada hati manusia, terjadinya kemudian dari pada *fana' sifat*. Apabila seorang manusia mengalami *tajalli sifat* ini maka dia akan merasakan semua yang wujud bersuara seperti binatang, kayu, batu dan lain sebagainya (Mustafa Zuhri, 1998).

¹⁷*Tajalli zat* adalah zat Tuhan itu menyatu kepada manusia. Ertinya pada diri manusia terjadi penyatuan dan tiada zat yang ada kecuali zat Allah SWT (Mustafa Zuhri, 1998).

Muhammad Syukri Salleh (2013:xvii) menyatakan para ulama terdahulu mempunyai berbagai kelebihan yang luar biasa, umpamanya *kasyaf* dan berfirasat, masin mulut dan berkat kerana pengetahuan yang dipelajari dan diajari bukan hanya melibatkan akal semata-mata, tetapi melibatkan penggabungjalinan antara akal dan *qalb*.

PEMBINAAN KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERTERASKAN AMALAN QALBU

Bahagian ini akan membincangkan bagaimana amalan *qalb* diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya menghasilkan pengajaran dan pembelajaran berteraskan amalan *qalb*. Penerapan amalan *qalb* dalam pengajaran dan pembelajaran ini penting kerana dalam Islam, proses pengajaran dan pembelajaran melalui akal semata-mata adalah tidak memadai (al-Ghazaliy, 1990:40). Sebaliknya, ilmu tidak hanya boleh difahami melalui akal semata-mata, sebaliknya perlu difahami dengan akal dan hati (Muhammad Syukri Salleh, 2003:26). Amalan *qalb* juga sesuai diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat membantu meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar (Salasilah Hanin Hajah, Erny Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit dan Zainab 2012:58).

1. Penerapan Kaedah *Takhalli* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Terdapat berbagai amalan *tazkiyah al-nafs* yang dapat dijalankan sebelum, ketika dan selepas pengajaran dan pembelajaran itu berlangsung. Muhammad Tahir (2011:280) menyatakan terdapat lapan amalan yang dapat diterapkan pada peringkat *takhalli* bagi mengosongkan atau membuang sifat-sifat terkeji dalam diri seperti berzikir selepas solat fardu; kedua, berzikir di luar solat fardu (amalan harian); ketiga, solat sunat *rawatib*; keempat, solat malam, kelima; solat sunat Duha; keenam, membaca al-Qur'an; ketujuh, berpuasa pada hari Isnin dan Khamis; kelapan, puasa Nabi Daud. Kelapan-lapan jenis amalan ini dijadikan fokus utama kerana dipercayai sebagai ibadah yang bersentuhan secara lansung dengan usaha yang membersihkan hati dari sifat-sifat yang terkeji.

Oleh yang demikian, elemen amalan *qalb* yang dinyatakan sebelum ini akan memberikan kesan secara tidak langsung dalam pengajaran dan pembelajaran . Untuk objektif pengajaran, pelajar akan menerima objektif implisit (perubahan ketara dalam diri murid) iaitu mudah untuk memahami dan menerima ilmu kerana qalburnya bebas dari pelbagai sifat terkeji. *Qalb* yang baik bermaksud *qalb* yang bersih dari segala kekotoran maksiat sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dan sesungguhnya dalam tubuh terdapat segumpal daging. Apabila ia baik, maka seluruh tubuh akan menjadi baik, tetapi apabila ia rosak maka seluruh tubuh menjadi rosak. Ketahuilah bahawa ia adalah qalb. (Riwayat al-Bukhariy, no. Hadith: 50).

Seterusnya, bagi elemen kedua iaitu strategi pengajaran, semua pihak sama ada pengajar atau pelajar berpeluang bertanyakan soalan dan pendapat dalam pengajaran jenis berpusatkan pelajar. Hal ini kerana, sifat yang keji seperti tamak terhindar dalam proses *takhalli*. Ketiga, apabila tiada sifat *ujub*, riak, sombong dan takabbur dalam diri, maka para pelajar akan sering bertanyakan soalan apabila ditanya dan menjawab soalan guru dengan berhemah dan menggunakan tutur kata yang baik. Secara tidak langsung, ini akan mewujudkan bahan bantu mengajar yang bersifat suasana yang dirasai oleh pengajar dan pelajar. Apabila suasana pengajaran dan pembelajaran dalam iklim yang baik dan proaktif, akan wujudlah perasaan sayang-menyayangi dan hormat- menghormati sesama pelajar dengan pelajar, guru dengan guru dan pelajar dengan guru hasil pembersihan diri daripada sifat marah, *namimah* (menyebarkan fitnah) dan *su' al-zan* (buruk sangka) yang terdapat dalam diri pelaku pengajaran dan pembelajaran.

Elemen pengajaran dan pembelajaran yang terakhir adalah penilaian. Dalam elemen ini, implikasi amalan *qalb* dalam kalangan pelajar adalah mereka tidak akan menipu ketika proses penilaian dijalankan contohnya meniru ketika menjawab peperiksaan dan sebagainya. Hal ini kerana, sifat *kazb* dan *khianah* telah dibersihkan dalam diri pelajar tersebut yang menyebabkan terhasilnya amal soleh. Al-Ghazaliy (1988:904) menjelaskan manfaat yang akan dicapai oleh seseorang melalui ilmu adalah amal yang soleh.

2. Penerapan Kaedah *Tahalli* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Setelah melalui tahap pembersihan diri dari segala sifat dan perbuatan yang tidak baik dan keji, usaha tersebut berlanjutan dengan mengisi diri dengan sifat-sifat yang terpuji yang dinamakan *tahalli*. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan Yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya (al-Nahl, 16:90).

Dalam proses P&P, implikasi daripada amalan qalbu yang terhasil ketika objektif pengajaran adalah guru akan bersifat *zuhud* dan *qana'ah* ketika

pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Menurut Ahmad Rifaie (2013), zuhud bukanlah bererti seseorang itu lansung tidak memiliki sebarang harta ketika hidup di dunia, tetapi setiap amalannya bukanlah dilakukan kerana tertarik dengan harta dunia yang bersifat sementara.

Seterusnya, dalam elemen strategi pengajaran, guru dan pelajar akan sentiasa sabar dan bermujahadah dalam mengharungi ujian ketika menuntut ilmu. Sabar ketika dalam proses pengajaran dan pembelajaran menurut pandangan Ahmad Rifaie (2013) adalah sabar menanggung penderitaan ketika menjalankan ibadah seperti kesempitan wang dan kekangan masa.

Ikhlas merupakan elemen *qalb* yang akan memberi kesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Para pengajar dan pelajar yang ikhlas tidak akan kedekut untuk menyumbang tenaga, idea, masa dan wang bagi menyediakan BBM yang akan digunakan bagi mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran itu sendiri. Secara tidak langsung, sikap untuk sedia menyumbang dan tolong-menolong antara satu sama lain akan tersemai dalam kalangan pelaku pengajaran dan pembelajaran.

Melalui elemen maklum balas pelajar pula, sifat mujahadah akan memberi kesan untuk bersungguh-sungguh untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang. Dalam hal ini, Ahmad Rifaie (2013) lebih menumpukan penekanan kepada aspek bersungguh-sungguh dalam memerangi hawa nafsu dengan tujuan untuk memperoleh keuntungan dunia dan akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan orang-orang Yang berusaha Dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami, Sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan Sesungguhnya (Pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang Yang berusaha membaiki amalannya (al-Ankabut, 29:69).

Selanjutnya, bersyukur dan reda akan ilmu yang diperoleh merupakan kesan amalan *qalb* pada tahap *tahalli* dalam pengajaran dan pembelajaran melalui elemen penilaian juga akan terhasil. Ketika hasil penilaian diumumkan, para pelajar akan bersyukur dan reda dengan apa-apa keputusan yang diperoleh. Berdasarkan berbagai pernyataan berkaitan kesan penerapan amalan *qalb* pada tahap *tahalli* ini, dapatlah dirumuskan bahawa sifat-sifat yang terpuji merupakan indikator penting ke arah merealisasikan konsep pengajaran dan pembelajaran berteraskan *qalb* pada masa kini.

3. Penerapan Kaedah *Tajalli* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, semestinya kaedah *tajalli* membawa kesan yang positif kepada elemen-elemen tersebut seterusnya melahirkan modal insan yang pengajaran dan pembelajaran berjaya di dunia dan akhirat. Amalan-amalan *qalb* yang dapat diterapkan dalam pada tahap *tajalli* adalah seperti menjauhkan diri daripada melakukan, melihat dan mendengar maksiat. Menurut Muhammad Tahir (2011:280), tindakan melakukan, melihat dan mendengar maksiat dianggap sebagai permulaan daripada segala perbuatan maksiat. Oleh yang demikian, pada tahap ini, setiap pendidik dan pelajar haruslah berusaha bersungguh-sungguh menjauhi pintu utama yang membuka maksiat yang dapat mengotorkan hati pemberi dan penerima ilmu.

Oleh yang demikian, Muhammad Syukri Salleh (2003) merumuskan kaedah *tazkiyah al-nafs* dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan istilah ubat hati. Ubat hati yang dimaksudkan adalah pertama, membuang sifat mazmumah seperti ego, ujub, takabur dan sebagainya; kedua, memakan makanan yang *halalan tayyiban* iaitu tidak haram dan syubhah; ketiga, istiqamah menuntut ilmu; keempat, sentiasa mengingati mati; dan kelima, sentiasa membaca, memahami dan beramal dengan al-Qur'an.

Ketika tahap *tajalli*, objektif pengajaran lebih berjaya kerana pelaku pengajaran dan pembelajaran lebih teratur dan konsisten dalam melaksanakan sesuatu tugasan. Pada ketika ini, pendidik juga akan sentiasa bermuhasabah setiap kali tamatnya proses tersebut ketika menjalankan strategi pengajaran agar proses itu bertambah baik dari sebelumnya. Pendidik juga akan bermuhasabah mengenai keberkatan mengenai usaha yang dibina dalam pengajaran dan pembelajaran dengan rezeki yang diperoleh hasil pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran agar hasil yang diperoleh tidak bersifat *syubhah* dan haram.


Dalam elemen bahan bantu mengajar pula, anugerah Allah SWT seperti *karamah*, berkat, masin mulut dan *kasyaf* akan menyebarkan ilmu akan menjadi mudah untuk menyerap masuk ke dalam hati seterusnya menjadi bahan bantu mengajar yang paling berkesan. Menurut Ismail Hasan (2014:20), manusia yang mencapai tahap ini hatinya bercahaya terang-benderang, dadanya terbuka luas dan lapang serta terangkatlah segala tabir Ilahi yang tidak dapat dirasai oleh manusia yang lain. Secara tidak lansung, ia menyumbang ke arah maklum balas yang positif dalam kalangan pelajar seterusnya mereka mudah untuk memahami, menghafal dan beramal dengan ilmu yang dipelajari.

Akhir sekali, dalam elemen penilaian, kesan yang terhasil daripada *muraqabah* iaitu memandang dengan hati kepada Allah dan selalu melihat kebesaran-Nya akan melahirkan hati yang bersih dan suci. Kelebihan manusia

mempunyai hati yang bersih telah disebutkan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya (keterangan-keterangan dan peristiwa-peristiwa) Yang tersebut itu, tidak syak lagi mengandungi pengajaran bagi sesiapa Yang mempunyai hati (yang sedar pada masa membacanya), atau Yang menggunakan pendengarannya Dengan bersungguh-sungguh (kepada pengajaran itu) Dengan menumpukan hati dan fikiran kepada-Nya. (Qaf, 50:37).

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa pada tahap *tajalli* ini, merupakan kemuncak kepada amalan *tazkiyah al-nafs*. Justeru, amat beruntung dan berbahagialah manusia yang terpilih oleh Allah SWT merasai kenikmatan yang terdapat ketika tahap *tajalli* dilaksanakan terutamanya ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Rajah 2 menjelaskan konsep pengajaran dan pembelajaran berteraskan amalan *qalb* seperti berikut:



Rajah 2: Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Amalan Qalbu

KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam makalah ini didapati amalan *qalb* patut diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran masa kini. Namun menurut pengkaji, setakat ini amalan qalbu belum diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Jika ada pun, ia hanya terhad ketika pelajar mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini tidak

memadai untuk melahirkan seorang pelajar yang seimbang dari aspek pembangunan jasmani dan rohaninya. Oleh yang demikian, dicadangkan supaya pengajaran dan pembelajaran berteraskan amalan qalbu ini diperluaskan agar menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang bukan sahaja boleh membawa kepada kejayaan di dunia, bahkan juga di akhirat. Dalam perkataan lain, kejayaan melahirkan pelajar yang sekadar cemerlang dalam akademik sahaja tidak memadai, kerana ia belum tentu dapat melahirkan seorang pelajar cemerlang yang berakhlak mulia serta tunduk dan patuh para perintah Allah SWT.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Yusof. (2013). *Pengurusan pendidikan Islam: mekanisme transformasi ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Karim Ibnu Hawazin. (2012). Risalah al-quryairiyah. Diakses pada 12 April 2016 daripada *kenali ulama ummah:al-Qusyairi pengarang –al-risalah-al.html?m=1*.
- Aboebakar Atiejah. (1980). *Pengantar ilmu tarekat dan tasawuf*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Aerisuli Awang. (2011). *Penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*. Disertasi Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak diterbitkan.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2003). *Pendidikan Islam: falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2011). *Kurikulum, metodologi dan pedagogi pengajian Islam*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Rifaie. (2013). Kesempurnaan konsep takhalli, tahalli dan tajalli. Diakses pada 16 April 2016 daripada: <http://tarekataulia.blogspot.my/2013/12/kesempurnaan-konsep-takhalli-tahalli.html>.

- Al-Bukhariy (1981). *Shahih Bukhari*, (Penterj.) Zainuddin Hamidy, et.al, Jakarta: Widjaya.
- Al-Ghazaliy. (1977). *Ihya ulumuddin*, Jil. 1, Cetakan Kelima. Indonesia: Penerbit Asli
- Al-Ghazaliy. (1988) *Ihya ulum al-din*. Kaherah: Dar al-Tawzi'.
- Atan Long. (1986). *Pedagogi kaedah am mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azidah Abu Ziden (2015). Falsafah pengajaran saya. Diakses pada 13 April 2015 daripada <http://www.azidahaz.com/2015/09/falsafah-pendidikan.html>.
- Fadzila Azni Ahmad. (2013). *Konsep pengurusan institusi pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulung. (1981). *Beberapa tinjauan dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Ankara.
- Hassan Langgulung. (1988). *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke 21*. Jakarta, Indonesia: Pustaka Al-Husna.
- Ismail Hasan. (2014). Tasawuf jalan rumpil menuju ke Tuhan. dlm. *An-Nuha* Vol 1. 1 Julai 2014. Diakses pada 14 April 2015 daripada: ejournal.staimaidiun.ac.id.
- Janzarli, Riyadh Salleh. (1991). *Al-usulal-Islamiah li al-tarbiah*. Makkah: Umm al-Qura University Press.
- Kamaruddin Hussin. (1986). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Logman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Pukal latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Asri Zainul Abidin (2010, Jun 4). *Hukum bergantung pada ilmu laduni*, Sinar Harapan, hlm. 18.

- Mohd. Kamal Hassan (1987). Peranan akhlak dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8, 3.
- Muhammad Khairi. (2008). Pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Diakses pada 15 April 2016 daripada: [http://www.freewebs.com/ptk2/ htm](http://www.freewebs.com/ptk2/htm).
- Muhammad Syukri Salleh (2013). Kata Pengantar dlm. Ab. Aziz Yusof (2013) *Pengurusan pendidikan Islam: mekanisme transformasi ummah (xvii)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *7 prinsip pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *Pengurusan pembangunan berteraskan Islam: konsep dan perkaedahan (Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Tahir. (2011). *Kaedah dan Amalan Tazkiyah al-Nafs Dalam Pembangunan Berteraskan Islam: Kajian Kes Koperasi Pondok Pesantren (KOSPONTREN) Daarut Tauhid, Bandung, Indonesia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Sains Kemasyarakatan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mustafa Zuhri. (1998). *Kunci memahami tasawuf*. Jakarta: PT Bina Ilmu.
- Nabilah Abu Bakar. (2011). *Sejauh mana elemen-elemen pengajaran guru mengikut model pentaksiran dalam sesi amali di bengkel*. Persidangan Kebangsaan Penyeidikan dan Inovasi dan Latihan Teknik dan Vokasional.
- Noor Hisham Md. Nawi. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden*. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran. Kota Bharu, Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Norasmah Othman & Shuki Osman. (2009). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran: teori dan praktis*. Shah Alam: McGraw Hill.
- Said Hawwa (2004). *Induk penyucian jiwa*. Syed Ahmad Suwait (penterj.) Singapura: Pustaka Nasional Sdn. Bhd.

- Saifudin Zuhri (2011). Qalbu dan kewajipan seseorang terhadapnya. Diakses pada 6 Disember 2015 daripada <http://as-Syariah online.com>.
- Salasilah Hanin Hajah, Erny Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit dan Zainab Ismail (2012). Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal AJTLHE* ,4(2),51-60.
- Sidek Baba. (2007). *Pendidikan rabbani mengenal Allah melalui dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1977). *Islam: faham agama dan asas akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1999). *The concept of education in Islam Ed. Ke 3*. Kuala Lumpur: Institut Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Syeikh Abdul Malik Al-Sayid Salim. (2009). *Ensiklopedia fiqh wanita muslimah*. Puchong, Selangor: Berlian Publication Sdn Bhd.
- Usman Said. (1981). *Pengantar Ilmu Tasawuf*. Medan, Indonesia: Naspar Djaja.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2001). *Pembangunan di Malaysia ke arah satu fahaman baru yang lebih sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Bangsa (ISTAC).
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias. (2003). Motivasi sendiri guru terhadap profesion perguruan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 17,1-12.
- Zainal Zakaria. (2011). Falsafah pengajaran saya. Diakses pada 15 April 2016 daripada: <http://www.cheme.utm.my/staff/zainalz/TEACHPORTOLIO.Pdf>.